

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN MAC 2014
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 19 MAC 2014**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu Negaraku, lagu Jabatan dan lagu Gemilang Malaysia yang penuh bersemangat sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBhg. Dato' Hawazain binti Shaari, TAN(O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bulan Mac tahun 2014.

UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH

Dikesempatan ini saya suka memaklumkan bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah siap disediakan dan ditandatangani oleh YBhg Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 27 Februari 2014 dan telah diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2014.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota JANM, serta semua yang terlibat dalam penyediaan PKKP 2013 ini. Syabas diucapkan.

Kerjasama dan iltizam tuan / puan di dalam memastikan PKPP 2013 ini disediakan dalam tempoh yang ditetapkan amat saya hargai. Semoga prestasi sebegini dapat dikekalkan pada masa-masa akan datang dan semoga kita juga akan mendapat Sijil Audit Bersih untuk PKPP 2013. In sha Allah.

PERKONGSIAN AMANAT YAB PERDANA MENTERI

Ucapan YAB Perdana Menteri semasa perhimpunan bulanan bersama warga JPM pada 3 Mac 2014 antara lain menyebut:

- i) Penjawat awam disaran meningkatkan *self-development* dan *self-improvement* dengan menambah ilmu pengetahuan dalam semua bidang serta menanam budaya dan sikap suka membaca
- ii) Langkah Kerajaan merasionalisasi subsidi adalah bagi adalah bagi menyeimbangkan antara perbelanjaan pembangunan dan pemberian insentif. Ini adalah kerana perbelanjaan yang terlalu banyak dan berlebihan untuk subsidi telah mengakibatkan berlakunya ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan kepada rakyat
- iii) Penjawat awam perlu berusaha untuk melakukan penambahbaikan demi Negara bagi mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi ataupun sederhana tinggi, dan
- iv) Penjawat awam perlu memberi sokongan padu kepada dasar-dasar Kerajaan dan saling bermuafakat antara satu sama lain bagi mengukuhkan prestasi Negara

Penjawat awam adalah diingatkan untuk melakukan yang terbaik dalam memperhebatkan lagi perkhidmatan awam bagi memastikan dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan tepat pada masanya.

CABARAN TRANSFORMASI SISTEM PERAKAUNAN NEGARA

Hari ini...19 Mac 2014...hanya tinggal 287 hari sahaja lagi sebelum kita melangkah ke **1 Januari 2015**, iaitu tarikh bermulanya pelaksanaan perakaunan akruan.

Sebagai warga JANM, tuan-tuan dan puan-puan perlu bersedia dari segi mental dan fizikal dan memastikan diri kita adalah kompeten untuk menghadapi perubahan ini. Justeru, kita perlu terus berusaha untuk melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sifat-sifat peribadi mulia yang tinggi sebagai warga JANM yang inovatif, berkualiti dan berintegriti serta bekerja dalam satu pasukan untuk menunaikan amanah rakyat dan pelanggan.

Pada masa yang sama, kita juga harus menunaikan hasrat kerajaan dalam Program Transformasi Negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Salah satunya adalah melalui tranformasi kaedah perakaunan daripada asas tunai kepada perakaunan akruan.

Pada masa ini, kita telah mula menerima permohonan Negara-negara luar untuk melawat dan berkongsi pengalaman Malaysia tentang pelaksanaan perakaunan akruan dan IPSAS. Ambillah cabaran ini untuk melakukan yang terbaik, agar Negara kita terus dijadikan *benchmark* dalam pelaksanaan perakaunan akruan di masa akan datang.

BERKAT

Pengurusan **BERKAT** ada menerima beberapa persoalan berkaitan pindaan Perlembagaan BERKAT. Objektif asal penubuhan BERKAT adalah untuk tujuan menjaga kebajikan warga perkhidmatan perakaunan. Sekarang ini, ia diperluaskan kepada semua warga JANM, walaupun bukan dari perkhidmatan perakaunan. Keahliannya adalah secara automatik. Ini adalah untuk kebaikan bersama. Beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan dan sebentar nanti akan ada sedikit taklimat daripada ahli JK mengenai BERKAT.

PERATURAN BERPAKAIAN KE PEJABAT

Bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang diceburi oleh kaum wanita dalam perkhidmatan awam ketika ini, maka Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 telah membenarkan pemakaian *two/three - piece pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kecuali upacara tersebut telah menetapkan pakaian tertentu.

Lanjutan daripada pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, sekali lagi saya ingin memberi peringatan kepada pegawai-pegawai wanita JANM agar mematuhi jenis pakaian yang dibenarkan dipakai seperti dinyatakan di dalam lampiran kepada SPP tersebut. Saya mohon agar kita saling ingat memperingati dan tegur menegur tentang perkara ini dan Pengarah-Pengarah Bahagian juga dimohon untuk turut sama memantau perkara ini.

PENJAGAAN KESIHATAN

Dalam keadaan persekitaran seperti sekarang (berjerebu), saya suka menasihatkan seluruh warga JANM untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga. Berhati-hatilah dalam melakukan aktiviti luar kerana ia boleh membahayakan kesihatan.

DOA UNTUK MH370

Sebelum mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya percaya seluruh rakyat Malaysia serta dunia sekarang sedang heboh memperkatakan tentang misteri kehilangan MH370 yang telah masuk hari ke 12.

Marilah kita terus sama-sama berdoa untuk keselamatan penumpang dan anak-anak kapal MH 370. Berdoalah agar usaha mencari dan menyelamatkan pesawat ini dipermudahkan serta diberi kesudahan yang baik.

Walau apapun kesudahannya, kita sebagai rakyat Malaysia harus bersatu hati dan bersama-sama sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka.

PENUTUP

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.